

# **PERBANDINGAN TARIQ AL-SYATIBI DAN IBNU AL-JAZARI DALAM RIWAYAT HAFS**

**Oleh:**

**Shaharuddin bin Saad (KUIS)**  
**Ikmal Zaidi bin Hashim (KUIS)**  
**Dr. Farhah Zaidar Ramli (KUIS)**  
**Dr Sidek Ariffin (Universiti Malaya)**

## ***Abstrak***

*Turuq Tajwid al-Quran merupakan suatu ilmu yang amat penting di dalam pembacaan al-Quran. Kepentingannya amat jelas ketika seseorang itu ingin membaca al-Quran. Mengikut Riwayat Imam Hafs daripada Imam ‘Asim terdapat terlalu banyak tariq di dalamnya. Persoalan yang timbul di dalam masyarakat kita khususnya di Malaysia hari ini ialah sejauhmanakah kefahaman dan pengetahuan serta penguasaan masyarakat terhadap istilah tariq ini. Adakah perlunya masyarakat mengetahui dan menguasai tentang perbezaan tariq yang terdapat atau sebaliknya, iaitu tidak perlu menguasainya asalkan dari sudut amalinya mereka dapat membaca ayat-ayat al-Quran itu dengan tepat.*

## **PENDAHULUAN**

Ilmu Qiraat dan Ilmu Tajwid adalah dua ilmu yang mempunyai banyak pertalian dan persamaan. Sesekali kedua-duanya mempunyai perbezaan, namun masih berada pada satu landasan yang bertemu dan terkadang ulama menggabungkan kedua-duanya di bawah satu bumbung. Oleh kerana kedua-dua disiplin ilmu tersebut berkaitan dengan lafaz-lafaz al-Quran yang merupakan mukjizat sepanjang zaman sebagai satu-satunya kitab yang masih kekal menjadi tatapan setiap muslim, maka sudah tentu penguasaan dan kemahirannya sangat-sangat dituntut. Di dalam kajian ini penulis akan cuba

menjelaskan tentang istilah *tariq*, pengenalan kepada Imam al-Syatibi dan Imam al-Jazari dan seterusnya menjelaskan perbandingan dia antara dua *tariq* tersebut.

## **DEFINISI TARIQ, RIWAYAT DAN QIRAAT**

Qiraat ialah setiap bacaan yang disandarkan kepada imam-imam, sama ada imam dari Qiraat Sepuluh iaitu dari Imam al-Jazari atau Imam Qiraat Tujuh dari Imam al-Syatibi<sup>1</sup>. Qiraat juga boleh didefinisikan sebagai setiap khilaf di dalam pengajian qiraat yang disandarkan kepada mana-mana salah satu imam ( setiap imam di dalam pengajian Qiraat ada dua orang periwayat ) daripada imam-imam Qiraat Sepuluh atau atau Qiraat Tujuh atau para periwayatnya masing-masing telah bersepakat maka ianya dikenali dengan Ilmu Qiraat<sup>2</sup>. Manakala riwayat ialah setiap apa yang disandarkan kepada periwayat yang diambil daripada imamnya<sup>3</sup>. Di dalam erti kata lain ialah murid-murid yang mengambil bacaan tersebut dengan imam-imam walaupun melalui perantaraan. Seterusnya setiap apa yang disandarkan kepada pengambil dan sesiapa sahaja selepasnya daripada periwayat maka ianya dikenali sebagai *tariq*<sup>4</sup>. Dalam erti kata lain *tariq* ialah murid-murid yang mengambil daripada periwayat di atas tadi.

Sebagai contoh bagi menjelaskan lagi pengertian di atas ialah periwayat yang masyhur di sisi *qurra'* daripada Imam Hamzah ialah Khalaf dan Khallad. Walaupun kedua-dua imam ini melalui perantaraan Sulaym. Manakala anak murid bagi kedua periwayat tadi ialah Idris dan Ibn Syadhan. Maka jelaslah di sini bahawa Imam

<sup>1</sup> Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fann al-Ada’ wa ‘Ilm al-Qiraat*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.102.

<sup>2</sup> ‘Abd al-Halim bin Muhammad al-Hadi al-Qabah (1999), *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah Tarikhuhu, Thubutuhu, Hujjiyyatuha wa Ahkamuha*, Beirut, Dar al-Gharb al-Islami, h.35.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

Hamzah dipanggil sebagai Qiraat Hamzah, Imam Khalaf dan Khallad dipanggil riwayat dan anak murid keduanya atau sekiranya ada lagi sampai ke bawah keduanya dipanggil sebagai *tariq*. Seterusnya penulis akan menjelaskan pula latar belakang secara ringkas bagi Imam ‘Asim yang merupakan imam kepada Imam Hafs.

## **BIODATA IMAM AL-SYATIBI (538H-590H)**

Nama beliau ialah al-Qasim bin Firuh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru’ayni al-Syatibi al-Andalusi. Dilahirkan di Syatibah di Andalus yang mana sekarang dinamakan Sepanyol pada tahun 538 Hijrah dan meninggal di Mesir pada 28 Jamadil Akhir tahun 590 Hijrah. Beliau dikebumikan di Kaherah<sup>5</sup>. Perkataan (فِيْرَة) adalah bahasa latin, yang bermaksud dalam bahasa Arab (الحَدِيد) iaitu besi<sup>6</sup>. Beliau juga dikenali dengan panggilan Abu Muhammad<sup>7</sup> dan Abu al-Qasim<sup>8</sup>. Menurut Khayr al-Din al-Zerekli, perkataan (الحَدِيد) dalam bahasa latin ialah (Ferrum) dan dalam bahasa Perancis (Fer) dan dalam bahasa Sepanyol (Hierro), maka nama Abu al-Qasim tersusun daripada bahasa Latin dan Sepanyol<sup>9</sup>.

Banyak penulis mengatakan bahawa Imam al-Syatibi hilang pengelihatan<sup>10</sup>. Berkata Imam al-Jazari “Telah sampai kepada kami bahawa dia hilang pengelihatan”<sup>11</sup>. Ada pendapat yang mengatakan, adalah tidak dinafikan bahawa

<sup>5</sup> Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad al-Qastalani (2000), *al-Fath al-Mawahibi fi Tarjamah al-Imam al-Syatibi*, ‘Amman: Dar al-Fath, h.34.

<sup>6</sup> Ahmad bin Muhammad Ibn Khalikan (t.t), *Wafiyat al-A’yan*, Beirut: Dar al-Sadir, j.4, h.72.

<sup>7</sup> *Ibd*, hlm 71.

<sup>8</sup> ‘Abd al-Rahman bin Isma’il bin Ibrahim al-Dimasyqi Abu Syamah (t.t), *Ibraz al-Ma’ani min Hirz al-Amani*, Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi wa Awladuh, h.6.

<sup>9</sup> Khayr al-Din al-Zerekli (1984), *al-A’lam Qamus Tarajim*, Beirut: Dar al-‘Ilm al-Malayin, j.7, h.45.

<sup>10</sup> ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (1981), *Siar A’lam al-Nubala*, Beirut: Muassasah al-Risalah, j.21, h.262.

<sup>11</sup> Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1997), *Tayyibah al-Nasyr*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah (1932), j.2,h.21.

beliau dilahirkan dalam keadaan celik, kemudian hilang pengelihatan selepas berlanjutan umurnya<sup>12</sup>.

Imam al-Syatibi merupakan seorang yang sangat alim dalam banyak ilmu, samaada Ilmu Qiraat, Tafsir, *Nahw*, *Lughah*, Hadis, Fekah dan beliau juga merupakan seorang tokoh sasterawan dan penyair yang hebat<sup>13</sup>. Di samping itu juga beliau memiliki kemahiran di dalam *ta'bir* mimpi<sup>14</sup>.

Beliau mempelajari al-Quran dan Ilmu Qiraat daripada gurunya di Syatibah iaitu Abu 'Abd Allah Muhammad 'Abil 'As al-Nafari (550H). Selepas dari itu beliau merantau ke Balnasiah iaitu sebuah kampung di Andalus dan berguru pula dengan gurunya yang terkenal iaitu Ibn Huzayl (563H). Kemudian beliau pergi menunaikan haji dengan mengikut jalan Iskandariyyah. Ketika itu beliau sempat membaca al-Quran kepada Abu Tahir al-Salafi dan ulama-ulama lain.

Selain daripada guru-guru ini, guru-guru beliau yang lain ialah Ibn Humayd (586H), beliau merupakan seorang *muqri'* hebat, alim *nahw*, mengambil qiraat daripada Ibn Huzayl dan pernah menjadi Kadi, Ibn al-Ni'mah al-Balansi (567H), merupakan seorang imam besar, hafiz dan sangat alim, Abu 'Abd Allah al-Isybili (600H), Ibn 'Asy'ir al-Ansari (567H), Abu Tahir al-Salafi (576H), Abu al-Qasim bin Hubaysy (584H), Abu al-Husayn al-'Umri (564H), Ibn al-Faras (567H) dan lain-lain lagi<sup>15</sup>.

Imam al-Syatibi merupakan seorang guru yang sangat hebat dan terkemuka serta meriwayatkan Qiraat Tujuh melalui kitabnya yang terkenal iaitu *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* atau lebih dikenali dengan nama *Matn al-Syatibi*. Maka beliau telah dikurniakan dengan anak-anak murid yang cerdik, pintar dan aktif antaranya

---

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Ibrahim Muhammad al-Jarmi (2000), *op.cit*, h.59.

<sup>14</sup> Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusof al-Jazari (1932), *op.cit*, j.2,h.21.

<sup>15</sup> Ibrahim Muhammad al-Jarmi (2000), *op.cit*, h.59-65.

Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin ‘Abd al-Samad al-Sakhawi (643H), beliau merupakan anak murid Imam al-Syatibi yang terhebat, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Umar al-Qurtubi (631H), al-Kamal ‘Ali bin Syuja’ bin Salim al-Darir al-Masri (661H), merupakan syeikh besar di Mesir dan merupakan menantu kepada Imam al-Syatibi, (al-Darir berkahwin dengan anak perempuan Imam al-Syatibi selepas beliau meninggal dan mendapat beberapa orang anak), ‘Ali bin Muhammad bin Musa al-Tajibi (626H), Abu ‘Amru ‘Uthman bin ‘Umar bin Abu Bakr al-Kurdi yang terkenal dengan nama Ibn al-Hajib (646H), Muhammad bin Yahya bin ‘Ali bin Baqa’ Abu ‘Abd Allah al-Lakhmi al-Janjali, Yusof bin Ja’afar bin ‘Abd al-Razzaq Abu al-Hajjaj al-Ansari, Muhammad bin Qasim bin Firuh al-Jamal Abu ‘Abd Allah al-Syatibi (655H), merupakan anak kepada Imam al-Syatibi sendiri, ‘Abd al-Rahman bin Abu al-Qasim al-Azdi al-Tunisi (625H), yang terkenal dengan nama “*al-Haddad*”. Menurut Imam al-Jazari, boleh jadi beliau merupakan orang yang mula-mula mensyarahkan *Matn al-Syatibi (Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani)*<sup>16</sup>.

Imam al-Syatibi juga merupakan seorang pengarang kitab yang masyhur dan berjaya mengarang kitab dengan banyaknya di dalam pelbagai bidang seperti Ilmu Qiraat, Ulum Quran, Hadis dan lain-lain. Kitab-kitab karangan beliau di dalam bidang Ilmu Qiraat dan Ulum Quran ialah *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira’at*, ‘Aqilah Atrab al-Qasaид fi Asna’ al-Maqasid (kitab yang membicarakan Ilmu *Rasm al-‘Uthmani, Nazimah al-Zuhr fi ‘Ad al-‘Ayy* (merupakan matan ilmu kaedah bilangan ayat-ayat al-Quran dan *Nuzum fi Za’at al-Qur’an al-Karim*)<sup>17</sup>.

Di dalam bidang Hadis pula kitab karangan beliau ialah Qasidah *Daliyyah*, di mana beliau menyusun sebanyak 500 *bayt* qasidah yang dimuatkan di dalam kitab “*al-Tamhid*” oleh Ibn ‘Abd. al-Barr. Tetapi qasidah tersebut telah hilang dan tidak

---

<sup>16</sup> *Ibid*, h.67-72.

<sup>17</sup> *Ibid*, h.87.

dapat dikesan. Manakala di dalam bidang Bahasa Arab pula ialah *Nuzum fi Mawani'* *al-Sarf*<sup>18</sup>.

## **BIODATA IMAM AL-JAZARI (751H-833H)**

Nama beliau ialah Abu Khayr Syams al-Din Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al-‘Umri al-Dimasyqi al-Syirazi al-Syafi’i. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Ibn al-Jazari. Beliau dilahirkan pada malam sabtu pada bulan Ramadan selepas solat Tarawih pada tahun 751 hijrah bersamaan dengan 30 November atau awal September tahun 1350 masihi di Damsyik<sup>19</sup>.

Beliau dibesarkan di Damsyik, pada umur 13 tahun (764H) beliau sudah hafal al-Quran dan boleh membacanya dalam sembahyang<sup>20</sup>. Menurut Ibn Hajar, Imam al-Jazari dilahirkan di Damsyik, beliau merupakan seorang yang alim, seorang yang sangat bersungguh-sungguh mempelajari Hadis dan al-Quran dan beliau sangat menonjol di dalam pengajian Qiraat. Beliau juga pernah menjadi Kadi di Damsyik dan Syiraz. Maka di situlah beliau meninggal dan beliau dikebumikan di sebuah pusat pengajian yang diasasnya sendiri yang bernama Darul Quran<sup>21</sup>. Ayah beliau merupakan seorang peniaga yang sangat soleh dan beliau sangat mengambil berat terhadap pembelajaran Imam al-Jazari dengan menyuruh ia menghafalkan al-Quran, Tajwid dan juga ilmu-ilmu lain seperti Tafsir, Fekah dan lain-lain<sup>22</sup>.

Di antara guru-gurunya ialah Syeikh Abu Muhammad ‘Abd al-Wahab bin Yusof bin al-Sallar (698H-782H). Yang keduanya ialah Syeikh Ahmad bin Ibrahim

---

<sup>18</sup> *Ibid*, h.89.

<sup>19</sup> Dr. Nabil bin Muhammad ‘Ali Isma’il (2002), *Al-Imam Ibn al-Jazari wa Juhuduh fi ‘Ilm al-Qira’at*, Riyad: Dar Ibn Hazm, h.17 dan Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al-Jazari (1932), *op.cit*, j.1, h.247.

<sup>20</sup> *Ibid*.

<sup>21</sup> Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani Ibn Hajar (1969), *Inba’ al-Ghumur bi Anba’ al-‘Umur*, Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah, j.3, h.466.

<sup>22</sup> Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (1994), *Tabaqat al-Huffaz*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.549.

bin al-Tahhan al-Manbaji (702H-782H). Selain dari itu ialah Syeikh Ahmad bin Rejab bin al-Hasan al-Sulami al-Baghdadi (775H), Syeikh Ibrahim bin ‘Abd Allah al-Humawi a-Mu’addib (773H), Syeikh Abu al-Ma’ali bin al-Lubban (715H-776H), Syeikh Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Saleh al-Madani (785H), beliau merupakan seorang khatib dan imam di Masjid Nabawi, Syeikh Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Saghir al-Hanafi (704H-776H) dan Syeikh Abu Muhammad bin ‘Abd al-Rahman bin Ahmad bin ‘Ali al-Baghdadi al-Wasiti al-Masri (702H-781H)<sup>23</sup>.

Antara anak-anak murid beliau yang terkemuka ialah Syeikh Abu Bakr Ahmad bin Muhammad bin al-Jazari, Syeikh Abu al-Fath Muhammad bin Muhammad bin al-Jazari (777H-814H), Syeikh Abu al-Khayr Muhammad bin Muhammad bin al-Jazari (ketiga-tiga mereka ialah anak kepada Imam al-Jazari sendiri), Syeikh Mahmud bin al-Husayn bin Sulayman al-Syirazi, Syeikh al-Khatib Mu’min bin ‘Ali al-Rumi, Syeikh ‘Abd al-Qadir bin Tallah al-Rumi dan Syeikh Jamal al-Din Muhammad bin Muhammad, yang terkenal dengan nama Ibn Iftikhar al-Harawi<sup>24</sup>.

Imam al-Jazari merupakan seorang yang sangat aktif di dalam dunia penulisan. Karangan beliau dalam pelbagai bidang adalah sebanyak 78 buah<sup>25</sup>. Di antara kitab-kitab beliau yang terkenal di dalam bidang Qiraat dan Tajwid ialah *Ithaf al-Maharah fi Tatimmah al-‘Asyrah, Usul al-Qira’at, Tahbir al-Taysir, Tuhfah al-Ikhwan fi al-Khulf bayna al-Syatibiyyah wa al-‘Unwan, al-Tidhkar fi Riwayah ‘Abban Ibn Yazid al-‘Attar, Taqrrib al-Nasyr* (ringkasan kitab *al-Nasyr*), *al-Taqyid fi al-Khulf Bayna al-Syatibiyyah wa al-Tajrid, al-Tamhid fi ‘Ilm al-Tajwid, al-Taujihat fi Usul al-Qira’at, Jami’ al-Asanid fi al-Qira’at, al-Durrah al-Ma’inah fi al-Qira’at al-*

<sup>23</sup> Dr ‘Abd al-Qayyum bin ‘Abd al-Ghafur al-Sindi (2001), *Safahat fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut: Dar al-Basyair al-Maktabah al-‘Imdadiyyah, hlm.277.

<sup>24</sup> *Ibid*, h.278.

<sup>25</sup> Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al-Jazari (1986), *al-Tamhid fi ‘Ilm al-Tajwid*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h.17.

*A'immah al-Thalathah al-Mardiyyah, Tayyibah al-Nasyr, Munjid al-Muqri'in wa Mursyid al-Talibin* dan *al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*.

Manakala kitab-kitab karangan beliau di dalam bidang Hadis dan Ulum Hadis ialah *al-Arba'un Hadithan*, *al-Bidayah fi 'Ulum al-Riwayah*, *al-Husn al-Hasin min Kalam Sayyid al-Mursalin*, *al-Hidayah fi 'Ulum al-Dirayah*, *al-Qasd al-Ahmad fi Rijal Musnid Ahmad* dan *al-Awlawiyyah fi Ahadith al-Awlawiyyat*.

Seterusnya kitab-kitab karangan beliau di dalam bidang *Tarikh* dan *Fada'il* ialah *al-'Ijal wa al-Ta'zim fi Maqam Ibrahim*, *Tarikh Ibn al-Jazari*, *Mukhtasar Tarikh Islam li al-Dhahabi* dan *al-Ta'rif bi al-Mawlid al-Syarif*. Semua kitab-kitab yang disebutkan di atas tadi sudah dicetak, selain dari itu masih banyak lagi kitab-kitab yang disandarkan kepada Imam al-Jazari yang masih dalam bentuk manuskrip yang memerlukan kepada pengkajinya<sup>26</sup>.

## **MATAN HIRZ al-AMANI wa WAJH al-TAHANI**

Apabila disebut *Matn al-Syatibi* sudah pasti semua orang yang menceburi di dalam bidang Qiraat mengetahuinya. *Matn Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* (متن حرز الأمانى ووجه التهانى) ataupun dikenali dengan nama mudahnya *Matn al-Syatibi* adalah merupakan hasil karangan Imam al-Syatibi yang terpenting, bahkan kitab ini merupakan karya yang terpenting di dalam Qiraat Tujuh keseluruhannya. Kitab ini ialah kitab yang dihasilkan oleh Imam al-Syatibi di dalam bentuk matan. Beliau telah mula menulis matan tersebut di Andalus hingga sampai matan yang berbunyi جعلت أبا (جاد على كل قارئ دليل), kemudian beliau menyempurnakannya di Madrasah al-

---

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 17-27.

Fadiliyyah di Qaherah<sup>27</sup>. Imam al-Syatibi telah memasukan *Kitab al-Taysir* yang telah dikarang oleh Imam al-Dani (wafat 444H, beliau mengarang kitab tersebut di Daniyah di Andalus dan ianya terkenal dan masyhur di Andalus sendiri dan Maghribi yang mendapat sambutan hangat oleh para pelajar) ke dalam *matn* beliau dengan membuat penambahan *khilaf* yang dikenali dengan (زيادات القصيدة)<sup>28</sup>. Selanjutnya beliau menamakan dengan nama tersebut seperti mana kata beliau<sup>29</sup>:

وسميتها حرز الأمانى تيمناً ووجه النهانى فاهنه متقبلاً

Maksudnya : Aku telah menamakan Qasidah ini dengan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani seperti yang telah aku cita-citakan, tahniah dan terimalah ia dengan penuh keredaan.

Beliau menamakan dengan nama tersebut dengan suatu cita-cita dan harapan yang penuh optimis agar segala makna dan maksud akan terhimpun pada *bayt-bayt* matannya yang sedikit untuk memudahkan para penuntutnya mendapatkan semua lautan ilmu qiraat yang tersusun di dalam qasidah itu<sup>30</sup>. *Matn* tersebut mengandungi sebanyak 1173 *bayt*<sup>31</sup>. *Matn* ini juga dikenali dengan nama *al-Syatibiyyah* dan *al-Lamiah*<sup>32</sup>.

Imam al-Jazari pernah berkata, “ para ahli *Balaghah* selepas era Imam al-Syatibi tidak dapat menandingi kehebatan Qasidah *al-Lamiah* ( *matn al-Syatibiyyah* ) ”<sup>33</sup>. Kata beliau lagi “ kitab tersebut telah dianugerahkan dengan kemasyhuran dan

<sup>27</sup> Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad al-Qastalani (2000), *al-Fath al-Mawahibi fi Tarjamah al-Imam al-Syatibi*, ‘Amman: Dar al-Fath, h.59.

<sup>28</sup> Dr.Ahmad Khalid Syukri, Dr. Ahmad Muhammad Mufligh al-Qudah dan Dr. Muhammad Khalid Mansur (2001), *Muqaddimah fi ‘Ilm al-Qira’at*, Amman: Dar ‘Ammar, h.168.

<sup>29</sup> Al-Qasim bin Firuh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru’ayni al-Syatibi (1996), *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, Madinah: Maktabah Dar al-Huda, h.6.

<sup>30</sup> Ibrahim Muhammad al-Jarmi (2000), *op.cit*, h.94.

<sup>31</sup> Abu al-Qasim ‘Ali bin ‘Uthman bin Muhammad bin Ahmad bin al-Husayn Ibn al-Qasih (1954), *Siraj al-Qari’ al-Mubtadi’ wa Tidhkar al-Muqri’ al-Muntahi*, Kaherah:Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, h.3.

<sup>32</sup> Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad Al-Qastalani (2000), *op.cit*, h.83.

<sup>33</sup> Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al-Jazari (1932), *op.cit*, j.2, h.21.

sambutan yang tiada pada kitab lain di dalam bidang tersebut, bahkan setiap pelajar yang mempelajari ilmu ini mesti memilikinya <sup>34</sup>. *Hirz al-Amani* telah dikurniakan oleh Allah s.w.t dengan penerimaan, sambutan yang hangat dan pengajian Qiraat akan sentiasa berterusan dengannya tanpa memerlukan kepada kitab yang lain<sup>35</sup>.

## KITAB-KITAB SYARAHAN AL-SYATIBIYYAH

Para ulama telah berlumba-lumba untuk mensyarahkan *al-Syatibiyyah*. Ini adalah kerana kitab ini mempunyai ilmu yang tidak terdapat di dalam kitab lain. Selain dari itu para ulama juga membuat berbagai bentuk syarahan bagi menjamin para pelajar mudah untuk merujuk dan seterusnya memahami isi kandungan *al-Syatibiyyah*. Maka kitab syarahan atau ringkasan syarahan kepada *al-Syatibiyyah* mencecah kepada 54 buah syarahan dan pelbagai jenis ringkasan<sup>36</sup>. Antara kitab-kitab syarahan yang terkenal ialah *Fath al-Wasid fi Syarh al-Qasid*, kitab ini dikarang oleh Imam ‘Alam al-Din al-Sakhawi (643H). Beliau merupakan anak murid Imam al-Syatibi dan merupakan orang yang mula-mula sekali yang mensyarahkannya. Tetapi menurut Imam al-Jazari boleh jadi Ibn al-Haddad (‘Abd al-Rahman bin Abu al-Qasim al-Azdi al-Tunisi wafat 625H) orang yang mula-mula mensyarahkan *al-Syatibiyyah*, *Ibraz al-Ma’ani min Hirz al-Amani*. Kitab ini adalah karangan Abu Syamah al-Maqdisi (665H), *Syarh Syu’lah al-Mawsili* atau *Kanz al-Ma’ani* (656H), *Syarh al-Ja’bari* (732H), *Syarh Ibn al-Qasih* atau *Siraj al-Qari’ al-Mubtadi’ wa Tidhkar al-*

---

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> ‘Abd al-Halim bin Muhammad al-Hadi Qabah (1999), *op.cit*, h.63.

<sup>36</sup> Ibrahim Muhammad al-Jarmi (2000), *op.cit*, h 148-165.

*Muqri' al-Muntahi* (801H), *Syarth al-Dabba'* atau *Irsyad al-Murid ila Maqsud al-Qasid* (1381H) dan *Syarth al-Qadi* atau *al-Wafī* (1403H)<sup>37</sup>.

Sebagai penambahan, *talaqqi qiraat* mengikut *tariq al-Syatibiyyah* (begitu juga *al-Durrah*, *al-Taysir* dan *al-Tahbir*) dikenali dengan nama *al-Qira'at al-'Asyr al-Sughra*. Dinamakan dengan nama tersebut ialah kerana *tariq* ini adalah sedikit.

### ***MATN TAYYIBAH AL-NASYR***

Apabila disebut sahaja *Matn Tayyibah al-Nasyr* sudah pasti semua pelajar yang mempelajari Ilmu Qiraat dapat mengetahui apakah kandungan *matn* itu. *Matn Tayyibah al-Nasyr* ialah *matn* yang menumpukan kepada Qiraat Sepuluh yang dikarang oleh Imam al-Jazari yang mempunyai sebanyak 1000 *bayt*. Beliau telah menyempurnakannya di Rom pada bulan sya'ban tahun 799H. Imam al-Jazari juga telah mengikuti Imam al-Syatibi di dalam menggunakan istilah-istilah untuk memudahkan para pelajar menguasai pengajian Qiraat. Kehebatan *Tayyibah al-Nasyr* ialah melalui *bayt-bayt* syairnya yang mudah, senang dan lafaznya yang sedikit tetapi maknanya mencakupi. Di dalamnya, dimuatkan dengan *turuq qurra'* berserta periwayat-periwayatnya yang terkenal dengan bersandarkan kepada *al-Syatibiyyah* dan *Kitab al-Taysir* di samping beliau melakukan penambahan qiraat, riwayat dan *turuq*<sup>38</sup>.

Dinamakan dengan nama tersebut adalah kerana beliau menyusunnya mengikut kitabnya <sup>39</sup>(النشر في القراءات العشر). *Matn* ini telah dimuatkan di dalamnya jenis-jenis qiraat yang *mutawatirah* daripada Rasul s.a.w, apa yang sahih daripada

<sup>37</sup> Dr. Ahmad Khalid Syukri, Dr. Ahmad Muhammad Muflīh al-Qudah dan Dr. Muhammad Khalid Mansur (2001), *op.cit*, h.169.

<sup>38</sup> Dr. Nabil bin Muhammad 'Ali Isma'il (2002), *Al-Imam Ibn al-Jazari wa Juhuduh fi 'Ilm al-Qira'at*, Riyad: Dar Ibn Hazm, h.56.

<sup>39</sup> Ibrahim Muhammad al-Jarmi (2000), *op.cit*, h.186.

qiraat dan yang diterima daripada kaedah perpindahan yang masyhur dari segi riwayat. Setiap imam sepuluh akan ada dua orang periwayat<sup>40</sup>.

## KITAB-KITAB SYARAHAN MATN TAYYIBAH AL-NASYR

Sebuah kitab yang hebat dan diperlukan oleh ramai qari atau pengkaji di dalam bidang Ilmu Qiraat sudah pasti banyak yang akan menghuraikannya dengan lebih banyak. Huraian ini termasuklah dalam bentuk syarahan semula atau ringkasan syarahan. Kehebatan *Matn Tayyibah al-Nasyr* telah mendapat tempat di sisi para ulama dan mereka mensyarahkannya dengan mengikut kadar kemampuan masing-masing. Antaranya kitab syarahan anak beliau sendiri iaitu Ahmad bin Muhammad bin al-Jazari (859H), Abu al-Qasim Muhammad al-Nuwayri (857H). Beliau merupakan anak murid Imam al-Jazari, Muhammad al-Munir bin Hasan al-Samundi (1199H), Muhammad Mahfuz bin ‘Abd Allah al-Turmisi (1338H), Riduan al-Makhlalati (1311H) dan Muhammad al-Sadiq al-Qamhawi. Kitabnya *al-Kawkab al-Durri*. Kitab ini merupakan ringkasan syarahan kepada *al-Nuwayri*.

Sebagai makluman tambahan *talaqqi* qiraat menurut *tariq al-Tayyibah* dan *al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyrah* dikenali dengan nama *al-Qira'at al-'Asyr al-Kubra*. Dinamakan *al-'Asyr al-Kubra* dengan sebab banyak *turuq* di dalamnya<sup>41</sup>.

## RIWAYAT HAFS : PERBANDINGAN ANTARA *TARIQ AL-SYATIBI* DAN *TARIQ AL-JAZARI*

<sup>40</sup> Dr. Muhammad Khalid ‘Abd al-‘Aziz Mansur (1999), *al-Wasit fi ‘Ilm al-Tajwid*, Urdun: Dar al-Nafais, h.61.

<sup>41</sup> Dr. Ahmad Khalid Syukri, Dr.Ahmad Muhammad Muflih al-Qudah dan Dr.Muhammad Khalid Mansur (2001), *op.cit*, h.172.

Apabila disebut *Tariq al-Syatibi* dan *Tariq al-Jazari* terdapat banyak perkara yang harus dijaga dan diambil perhatian oleh mana-mana pembaca al-Quran ketika mana mereka membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan Riwayat Hafs ‘an ‘Asim daripada *Tariq Syatibiyah* dan *Tariq al-Tayyibah*. Perkara-perkara yang akan disenaraikan nanti seharusnya menjadi perhatian kepada sesiapa sahaja yang membaca Kalam Allah s.w.t. Ini adalah kerana percampuran dan pertindihan *turuq* adalah merupakan suatu amalan yang aib di sisi para *qurra*’.

*Tariq al-Syatibi* adalah merupakan *Tariq al-‘Ammah*, yang menjadi pilihan utama para pembaca terutama sekali di negara-negara sebelah Asia Tenggara. Manakala *Tariq al-Jazari* adalah *tariq* yang tinggi peringkatnya, sukar dan yang tersusun di dalam banyak hukum-hukum teori dan praktikalnya yang hanya dikuasai oleh ahli-ahlinya sahaja. Di dalam penulisan ini penulis akan menghuraikan perbandingan di antara kedua *tariq* ini secara pengenalan awalan sahaja. Penulis hanya akan menyenarai dan membuat perbandingan wajah-wajah bacaan Hafs melalui kedua-dua *tariq* tersebut dengan ringkas sahaja. Sebagai contoh penulis tidak akan menyenaraikan hukum-hukum yang perlu dijaga ketika Imam Hafs membaca *Mad Jaiz Munfasil* dengan dua harakat. Di sini penulis akan menyenaraikan perkara-perkara tersebut menurut *Tariq al-Syatibi* dahulu. Perkara-perkara tersebut ialah :

- i)      *Al-Takbir*. Takbir di sini bermaksud ucapan ( لا إله إلا الله والله أكبر ) atau sekurang-kurangnya ( الله أكبر وله الحمد ) ketika majlis khatam al-Quran. Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* tidak membaca ucapan takbir<sup>42</sup>.

---

<sup>42</sup> Muhammad Abu al-Khayr (2002), *Khasais wa Simat Midar Harakatayn wa Arba’ Harakat*, Kaherah: Dar Sahaba, h.7 dan Abu ‘Abd al-Rahman Reda ‘Ali Darwaysy dan Abu Sahal Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *Op.cit*, h.31.

- ii) *Mad al-Munfasil*. Iaitu apabila huruf *hamzah* dan huruf *mad* berada di dalam dua kalimah yang berlainan iaitu huruf *mad* di akhir kalimah pertama dan huruf *hamzah* di awal kalimah yang kedua, seperti ( ﴿قَالُوا أَعْمَنَا﴾ ). Kadar bacaan Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* adalah dengan kadar 4 harakat yang diistilahkan sebagai ( التَّوْسِطُ ) dan kadar 5 harakat ( فَوْيِقُ التَّوْسِطِ ) . Akan tetapi bacaan dengan 4 harakat lebih didahulukan<sup>43</sup>.
- iii) *Mad al-Muttasil*. Iaitu apabila huruf *mad* dan huruf *hamzah* berada di dalam satu kalimah seperti ( سَوْءَ سَيِّءَ سَاءَ ). Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membacanya dengan 4 dan 5 harakat, samaada ketika *wasl* atau *waqf*. Wajah bacaan dengan 4 harakat adalah lebih didahulukan. Ada pun apabila huruf *mad* berada di hujung kalimah dan dibaca dengan *waqf* dibolehkan bacaan dengan 6 harakat<sup>44</sup>.
- iv) *Idgham Nun Sakinah* dan *Tanwin* ketika bertemu dengan huruf *lam* dan *ra'*. Imam Hafs membaca *Idgham Nun Sakinah* dan *Tanwin* ketika berjumpa dengan huruf *lam* dan *ra'* tanpa ada *ghunnah*. *Nun Sakinah* ialah Huruf *nun* yang mati tanpa baris, dan terdapat ketika dibaca, tulis, sambung dan *waqf*. Ianya berada berada pada *ism*, *fī'l* dan *harf* serta terdapat di tengah dan hujung kalimah. Manakala *tanwin* pula ialah *nun* mati tambahan bukan untuk *tawkid* yang berada di hujung perkataan *ism* dari segi lafadz ketika sambung bacaan dan tiada ketika *waqf* dan tulisan<sup>45</sup>.

---

<sup>43</sup> Abu Mardhiyyah (2004), *Tajwid al-Quran*, Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise, h.170 dan Abu ‘Abd al-Rahman Reda ‘Ali Darwaysy dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *op.cit*, h.35.

<sup>44</sup> *Ibid*, h.36.

<sup>45</sup> Muhammad Abu al-Khayr (2002), *Khasais wa Simat Midar Harakatayn wa Arba' Harakat*, Kaherah: Dar Sahaba, h.9.

- v) *Saktah*. Iaitu memberhentikan bacaan sekejap tanpa bernafas dengan kadar masa 2 harakat dan menyambung bacaan semula dengan nafas yang sama<sup>46</sup>. Imam Hafs hanya membaca *saktah* melalui *Tariq al-Syatibi* hanya pada 4 tempat masyhur, iaitu antara akhir kalimah ayat pertama (عوجا ) dan awal kalimah ayat kedua (فيما ) Surah al-Kahfi iaitu ketika sambung bacaan sahaja. Antara kalimah (مرقذنا ) dan (هذا ) pada ayat 52 Surah Yasin. Pada perkataan ini boleh dibaca dengan kaedah berhenti untuk bacaan Hafs. Antara perkataan (رقى من ) dan (وقيل من ) yang terdapat pada Surah al-Qiyamah dan yang terakhir antara perkataan (كلا بل ) dan (ران ) yang terdapat pada Surah al-Mutaffifin<sup>47</sup>.
- vi) Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan *izhar* huruf *nun* pada lafaz (س ) dan (ن ), ketika menyambung bacaan dengan ayat selepas kedua-duanya tanpa ada *idgham*<sup>48</sup>.
- vii) Pada perkataan (سلسلا ) pada Surah al-Insan ayat 4, ketika *waqf* harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan dua wajah, pertamanya iaitu dengan *hazf* (buang huruf *alif*) dan berhentikan dengan huruf *lam* dimatikan. Manakala wajah bacaan yang kedua pula ialah dengan *ithbat* (tidak membuang huruf *alif*) *alif*. Manakala ketika *wasl* Imam Hafs membaca dengan *hazf* huruf *alif* sahaja<sup>49</sup>.
- viii) Pada dua kalimah (ضعف ) dan (ضعف ) di dalam Surah al-Rum ayat 54, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan dua

<sup>46</sup> *Saktah* ialah berhenti dengan kadar dua harakat dan menyambung bacaan tanpa mengambil nafas baru, lihat Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.172.

<sup>47</sup> Muhammad Abu al-Khayr (2002), *op.cit*, h.6.

<sup>48</sup> *Ibid*, h.5.

<sup>49</sup> *Ibid*, h.7.

wajah iaitu dengan huruf *dad* berbaris di atas (*fathah*) dan di depan (*dammah*). Kedua-dua wajah bacaan tersebut adalah betul yang dibaca oleh Imam Hafs daripada Imam ‘Asim melalui *Tariq al-Syatibi*. Manakala bacaan baris di atas hendaklah didahulukan<sup>50</sup>.

- ix) Pada ayat ( فَمَا عَاتَنَ اللَّهَ ) pada Surah al-Naml ayat 36, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan dua wajah ketika *waqf*. Pertamanya dengan *ithbat* huruf *ya'* dan keduanya dengan *hazf ya'* iaitu *waqaf* dengan huruf *nun* dimatikan atau *rawm*<sup>51</sup>. Wajah bacaan dengan *ithbat ya'* adalah hendak didahulukan. Manakala ketika sambung bacaan Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca kalimah tersebut dengan *ithbat* huruf *ya'*<sup>52</sup>.
- x) Pada kalimah ( فِرْقٌ ) di dalam Surah al-Syu'ara' pada ayat 63, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membacanya dengan dua wajah iaitu dengan *tafkhim* (tebalkan huruf *ra'*) dan *tarqiq* (nipiskan huruf *ra'*). Bacaan *tarqiq* hendaklah didahulukan<sup>53</sup>.
- xi) Huruf ‘Ayn pada permulaan dua Surah Maryam ( مَرْيَمْ ) dan permulaan Surah al-Syura ( سُورَةُ الْبَرْقِ ) , melalui *Tariq al-Syatibi* harus dibaca dengan

---

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> Melemahkan suara pada huruf terakhir yang berbaris yang dibaca dengan kaedah berhenti sehingga hilang sebahagian besar suaranya dengan suara perlahan yang dapat didengari oleh yang dekat dan tidak kepada yang jauh, lihat Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.177.

<sup>52</sup> Muhammad Abu al-Khayr (2002), *op.cit*, h.7 dan Abu Mardhiyyah (2004) *op.cit*, h189.

<sup>53</sup> *Ibid* dan Muhammad Abu al-Khayr (2002), *op.cit*, h.6.

kadar 4 dan 6 harakat. Akan tetapi wajah bacaan dengan 6 harakat hendaklah didahulukan<sup>54</sup>.

- xii) Pada kalimah ( لا تأمنا ) di dalam Surah Yusof ayat 11, Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membacanya dengan dua wajah iaitu dengan *isymam*<sup>55</sup>. Manakala wajah bacaan yang kedua ialah dengan *al-Ikhtilas*<sup>56</sup>. Akan tetapi bacaan *ikhtilas* didahulukan. Istilah *rawm* dan *ikhtilas* di sisi Imam Hafs adalah dua istilah yang sama maknanya<sup>57</sup>.
- xiii) Pada kalimah ( اركب معنا ) di dalam Surah Hud ayat 42, melalui *Tariq al-Syatibi* wajib dibaca dengan kaedah *idgham* huruf *ba'* ke dalam huruf *mim*. Ia juga dinamakan sebagai *idgham mutajanisayn*<sup>58</sup>.
- xiv) Pada kalimah ( يلهم ذلك ) di dalam Surah al-A'raf ayat 176, melalui *Tariq al-Syatibi* wajib dibaca dengan cara *idgham* huruf *tha'* pada huruf *thal*. Ini juga dinamakan *idgham mitajanisayn*<sup>59</sup>.
- xv) Pada kalimah ( ﴿الذكرين﴾ ) terdapat dua tempat di dalam Surah al-An'am ayat 143 dan 144), pada kalimah ( ﴿الثئن﴾ ) terdapat dua tempat di dalam Surah Yunus ayat 51 dan 91 dan pada kalimah ( ﴿ءا الله﴾ ) terdapat di dalam Surah

---

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> Bacaan dengan memuncungkan dua bibir mulut atau isyarat dengan bibir mulut ke arah baris *dommah* ketika huruf nun bersabdu dibaca dan ianya dapat diketahui oleh yang celik dan sebaliknya bagi yang buta, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.177.

<sup>56</sup> Iaitu pada *dammah* ketika bacaan pada huruf *nun*, di mana akan kekal 1/3 baris padanya, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid*, h.179.

<sup>57</sup> Husni Syeikh 'Uthman (1987), *Haq al-Tilawah*, Urdun: Maktabah al-Manar, h.90 dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *op.cit*, h.37.

<sup>58</sup> Ialah *idgham* dua huruf yang sama *makhradj* dan berlainan sifat, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.205.

<sup>59</sup> Muhammad Abu al-Khayr (2002), *op.cit*, h.5.

Yunus ayat 59 dan Surah al-Naml ayat 59 Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan dua wajah. Pertamanya *ibdal*<sup>60</sup> kepada *alif* bersama dengan *isyba*<sup>61</sup> sama dengan kadar bacaan pada *Mad Lazim Kalimi Muthaqqal*. Wajah ini didahulukan. Wajah keduanya ialah dengan *tashil*<sup>62</sup> antara *hamzah* dan *alif* dan *qasr* dua harakat<sup>63</sup>.

- xvi) Pada kalimah (بصيطر) di dalam Surah al-Ghasiyah ayat 22, Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca pada huruf *sad* dengan huruf *sad* sahaja<sup>64</sup>.
- xvii) Pada kalimah (فطمسنا) di dalam Surah al-Qamar ayat 37, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan dua wajah iaitu dengan huruf *sad* dan huruf *sin* pada huruf *sin* itu, akan tetapi bacaan dengan huruf *sad* didahulukan<sup>65</sup>.
- xviii) Pada kalimah (ويصطف) di dalam Surah al-Baqarah pada ayat 245 dan pada kalimah (بصطة) di dalam Surah al-A'raf ayat 69, Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membaca dengan huruf *sin* sahaja pada kedua-dua huruf *sad* itu<sup>66</sup>.

---

<sup>60</sup> Ialah menukarkan, lihat Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.169.

<sup>61</sup> Ialah kadar bacaan panjang enam harakat, selain dari *isyba*’ istilah lain yang diguna pakai ialah *mad*, lihat Marassafi, ‘Abd al-Fattah al-Sayyid al-‘Ajmi al- (2001), *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*, Madinah, Dar al-Fajr al-Islamiyyah, h.281.

<sup>62</sup> Sebutan antara huruf *hamzah* dan *alif*, lihat Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.174.

<sup>63</sup> Muhammad Abu al-Khayr (2002), *op.cit*, h.4.

<sup>64</sup> *Ibid*.

<sup>65</sup> Abu ‘Abd al-Rahman Reda ‘Ali Darwaysy dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *op.cit*, h.167.

<sup>66</sup> *Ibid*, h.168.

- xix) Pada kalimah ( مالیة ) dan ( هلك ) di dalam Surah al-Haqqah ayat 28, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membacanya dengan dua wajah bacaan. Pertamanya membaca dengan *izhar* berserta dengan *sakta* tanpa bernafas pada huruf *ha'*. Keduanya bacaan dengan *idgham* dan boleh *waqf* dengan bernafas pada kalimah ( مالیة ) dan ia dikira *waqf tam*, kerana ianya kepala ayat dan *waqf* pada kepala ayat adalah sunat. Akan tetapi wajah yang pertama perlu didahulukan<sup>67</sup>.
- xx) Pada kalimah ( نحْفَكُمْ ) di dalam Surah al-Mursalat pada ayat 20, Imam Hafs melalui *Tariq al-Syatibi* membacanya dengan *idgham kamil*, di mana sifat *isti'la'* pada huruf *qaf* akan hilang dan bacaannya akan menjadi huruf *kaf* yang bersabdu. Imam Hafs juga membaca dengan *naqis*, dengan mengekalkan sifat *isti'la'*<sup>68</sup>.
- xxi) Pada kalimah ( مجرـها ) di dalam Surah Hud ayat 41, Imam Hafs daripada imamnya ‘Asim menurut semua *turuq* di dalam *Tariq al-Syatibi* membacanya dengan *imalah kubra*<sup>69</sup> pada huruf *alif* selepas huruf *ra'*. Hanya tempat ini sahaja dibaca dengan *imalah kubra* oleh Imam Hafs<sup>70</sup>.
- xxii) Pada kalimah ( اعجمى ) di dalam Surah Fussilat pada ayat 44, Imam Hafs daripada ‘Asim melalui semua *turuq al-Syatibi* membaca dengan *tashil* antara *hamzah* dan *alif* pada huruf *alif hamzah* yang kedua<sup>71</sup>.

---

<sup>67</sup> ‘Abd al-Fattah al-Syed ‘Ajmi al-Murassafi (2001), *op.cit*, h.410.

<sup>68</sup> *Ibid*, j.2, h.577.

<sup>69</sup> Bacaan huruf *alif* yang condong kepada huruf *ya'* atau baris di atas yang condong ke baris di bawah, lihat Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *op.cit*, h.173.

<sup>70</sup> ‘Abd al-Fattah al-Syed ‘Ajmi al-Murassafi (2001), *op.cit*, h.578.

<sup>71</sup> *Ibid*, h.579.

Seterusnya penulis akan menjelaskan perkara-perkara yang perlu dijaga dan diberi perhatian ketika mengamalkan bacaan dengan *Tariq al-Jazari*. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut :

- i) *Al-Takbir*. Imam Hafs membaca takbir melalui *Tariq al-Jazari* dan harus juga dengan meninggalkannya<sup>72</sup>. Lafaz takbir adalah seperti ( لا إله إلا الله والله أكبر ) , atau sekurang-kurangnya ( الله أكبر ) atau ( لا إله إلا الله والله أكبر وله الحمد ) . Cara bacaan takbir sekiranya dibaca sebelum *basmalah* adalah dengan dua cara. Pertamanya tahlil diikuti dengan takbir ( لا إله إلا الله والله أكبر ) dan yang keduanya tahlil diikuti dengan takbir dan tahmid ( لا إله إلا الله والله أكبر وله الحمد )<sup>73</sup>. Seterusnya tempat untuk membaca takbir terdapat perselisihan, jumhur berpendapat tiada takbir, dan satu kumpulan lain membacanya. Dan kumpulan ini berpecah kepada tiga mazhab. Pertamanya takbir awal daripada awal Surah al-Syarh hingga Surah al-Nas, keduanya takbir daripada akhir Surah al-Duha hingga akhir Surah al-Nas. Kaedah ini dinamakan dengan takbir khas iaitu khas untuk surah-surah tertentu sahaja dan yang ketiganya takbir di awal Surah al-Fatiyah hingga akhir al-Quran kecuali Surah al-Taubah. Ini dinamakan juga dengan takbir umum<sup>74</sup>. Hukum membaca takbir adalah sunat samada di dalam atau luar sembahyang. Disunatkan bacaannya kuat ketika khatam al-Quran begitu juga dalam sembahyang di sesetengah keadaan<sup>75</sup>. Muhammad Makki Nasr

---

<sup>72</sup> *Ibid*, h.586.

<sup>73</sup> Dr.Muhammad Khalid ‘Abd ‘Aziz Mansur (1999), *al-Wasit fi ‘Ilm al-Tajwid*, Urdun: Dar al-Nafais, h.121.

<sup>74</sup> Muhammad Fahd Kharuf (1995), *al-Bayan fi Tartil al-Qur'an*, Damsyik: Dar al-‘Ulum al-Insaniyyah, h.21.

<sup>75</sup> *Ibid*, hlm 23.

- (1322H) berkata “ Ketahuilah bahawa takbir ketika khatam al-Quran adalah sunat ”<sup>76</sup>.
- ii) *Mad Jaiz Munfasil.* Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan kadar dua harakat seperti kadar panjang *mad asli*, 3, 4 dan 5 harakat<sup>77</sup>.
  - iii) *Mad Wajib Muttasil.* Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan kadar 4, 5 dan boleh dibaca dengan 6 harakat ketika *waqf*.
  - iv) *Idgham nun sakinah* dan *tanwin* pada huruf *lam* dan *ra'*. Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya tanpa *ghunnah*.
  - v) Pada empat tempat di dalam Surah al-Kahfi ayat 1, Surah Yasin ayat 52, Surah al-Qiyamah ayat 27 dan Surah al-Mutaffifin ayat 14 yang dibaca dengan saktah, melalui *Tariq al-Jazari*, Imam Hafs membacanya dengan dua wajah. Pertamanya dengan *saktah* dan keduanya dengan tidak *saktah*. Ibn al-Jazari berkata (ألفى مرقنا وعوجا بل ران من راق لحصن الخلف جا ), maksudnya “ pada ( مرقنا، عوجا ، بل ران ، من راق ) bagi Imam Hafs *khilaf* iaitu dua wajah *saktah* dan tidak *saktah* ”<sup>78</sup>.
  - vi) Hukum bacaan *nun* pada kedua-dua lafaz ( نس ) dan ( ن ) dibaca dengan *izhar* dan tidak *idgham* ketika menyambung bacaan dengan ayat selepas

---

<sup>76</sup> Juraysi, Muhammad Makki Nasr al- (2003), *Nihayah al-Qawl al-Mufid* , Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.265.

<sup>77</sup> 'Abd al-Fattah al-Syed 'Ajmi al-Murassafi (2001), *op.cit*, j.1, h.282.

<sup>78</sup> Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusof al-Jazari (1998), *op.cit*, j.1,h.329.

( ن والقلم وما يسطرون ) dan ( بس القرآن الحكيم )

<sup>79</sup>.

- vii) Pada kalimah ( سلسل ) di dalam Surah al-Insan ayat 4, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya ketika *waqf* hanya dengan satu wajah iaitu *hazf* huruf *alif* tanpa *ithbat*<sup>80</sup>.
- viii) Pada kalimah ( ضعف ) dan ( ضعف ) di dalam Surah al-Rum ayat 54, melalui *Tariq al-Jazari*, harus bagi Imam Hafs membaca kedua-dua kalimah itu hanya dengan satu wajah sahaja iaitu dengan huruf *dad* berbaris di atas<sup>81</sup>.
- ix) Pada kalimah ( فما عاتن ) di dalam Surah al-Naml ayat 36, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* ketika *waqf* membaca dengan *hazf* huruf *ya'* tanpa *ithbat*<sup>82</sup>.
- x) Pada kalimah ( فرق ) di dalam Surah al-Syu'ara' ayat 63, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya hanya dengan satu wajah sahaja iaitu dengan membaca *tafkhim* sahaja<sup>83</sup>.
- xi) Pada huruf 'Ayn dua tempat awal Surah Maryam dan awal Surah al-Syura iaitu ( حم عسق ) dan ( كهيعص ), Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan kadar panjang 4 harakat<sup>84</sup>.

---

<sup>79</sup> 'Abd al-Fattah al-Syed 'Ajmi al-Murassafi (2001), *op.cit*, j.2, h.576.

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> *Ibid*, j.2, h.577.

<sup>82</sup> Abu 'Abd al-Rahman Reda 'Ali Darwaysy dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *op.cit*, h.173.

<sup>83</sup> *Ibid*, h.172.

- xii) Pada kalimah ( لَا تَأْمُنَا ) di dalam Surah Yusof ayat 11, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan satu wajah sahaja iaitu *isymam*<sup>85</sup>.
- xiii) Pada kalimah ( ارْكَبَ مَعْنَا ) di dalam Surah Hud ayat 42, wajib *idgham* huruf *ba'* kepada huruf *mim* melalui *Tariq al-Jazari*<sup>86</sup>.
- xiv) Pada kalimah ( يَلْهُثُ ذَلِكُ ) di dalam Surah al-A'raf ayat 176, wajib bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membaca dengan kaedah *idgham* huruf *tha'* kepada huruf *thal*<sup>87</sup>.
- xv) Pada kalimah ( إِلَذْكَرِينَ ) di dalam Surah al-A'raf ayat 143 dan 144, harus bagi Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan *ibdal hamzah wasl* kepada huruf *alif* berserta dengan *isyba'*<sup>88</sup>.
- xvi) Pada kalimah ( بِمَصِيطَرِ ) di dalam Surah al-Ghasiyah ayat 22, Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan huruf *sad*<sup>89</sup>.
- xvii) Pada kalimah ( الْمُصِيطِرُونَ ) di dalam Surah al-Tur ayat 37, Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan satu wajah sahaja iaitu dengan huruf *sin*<sup>90</sup>.

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> *Ibid*, h.170.

<sup>86</sup> *Ibid*, h.177.

<sup>87</sup> 'Abd al-Fattah al-Syed 'Ajmi al-Murassafi (2001), *op.cit*, j.2, h.575.

<sup>88</sup> Abu 'Abd al-Rahman Reda 'Ali Darwaysy dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *op.cit*, h.169.

<sup>89</sup> *Ibid*, h.168.

<sup>90</sup> *Ibid.*

xviii) Pada kalimah ( ويصط ) di dalam Surah al-Baqarah ayat 245 dan kalimah ( بسطة ) di dalam Surah al-A'raf ayat 69, Imam Hafs melalui *Tariq al-Jazari* membacanya dengan *sad*<sup>91</sup>.

Sebagai kesimpulannya di dalam kajian ini, penulis merasakan perlunya para ilmuan Qiraat dan Tajwid menggiatkan usaha dan saling berganding bahu untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya pembacaan al-Quran dengan mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturannya yang sebenar. Oleh kerana bacaan Riwayat Hafs daripada ‘Asim adalah menjadi amalan dan pilihan utama di Malaysia khususnya, ianya harus menjadi tumpuan utama di dalam pengajian Ilmu Tajwid agar etika bacaannya tidak dilanggari dengan sewenang-wenangnya. Kepekaan pembaca terhadap perbezaan dan perbandingan Riwayat Hafs melalui kedua-dua *Tariq al-Syatibi* dan *al-Jazari* adalah sebenarnya melambangkan tahap penguasaan sebenar pembaca al-Quran tersebut. Apabila kita membicarakan atau mempelajari Ilmu Tajwid di alam Malaysia semestinya harus ditumpukan kepada pembacaan Riwayat Hafs melalui kedua-dua *tariq* tersebut agar tidak berlaku percampuran dan pertindihan bacaan yang tidak diharuskan.

## RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Abd al-Halim bin Muhammad al-Hadi al-Qabah (1999), *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah Tarikhuhu, Thubutuhu, Hujjiyyatuha wa Ahkamuha*, Beirut, Dar al-Gharb al-Islami.

---

<sup>91</sup> *Ibid*, h.167.

‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (1981), *Siar A’lam al-Nubala*, Beirut: Muassasah al-Risalah

‘Abd al-Rahman bin Isma’il bin Ibrahim al-Dimasyqi Abu Syamah (t.t), *Ibraz al-Ma’ani min Hirz al-Amani*, Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi wa Awladuh.

Abu Mardhiyyah (2004), *Tajwid al-Quran*, Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise,

Ahmad bin Muhammad Ibn Khalikan (t.t), *Wafiyat al-A’yan*, Beirut: Dar al-Sadir.

Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani Ibn Hajar (1969), *Inba’ al-Ghumur bi Anba’ al-‘Umur*, Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fann al-Ada’ wa ‘Ilm al-Qiraat*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Dr ‘Abd al-Qayyum bin ‘Abd al-Ghafur al-Sindi (2001), *Safahat fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut: Dar al-Basyair al-Maktabah al-‘Imadiyyah

Dr. Ahmad Khalid Syukri, Dr. Ahmad Muhammad Muflih al-Qudah dan Dr. Muhammad Khalid Mansur (2001), *Muqaddimah fi ‘Ilm al-Qira’at*, Amman: Dar ‘Ammar.

Dr. Muhammad Khalid ‘Abd al-‘Aziz Mansur (1999), *al-Wasit fi ‘Ilm al-Tajwid*, Urdun: Dar al-Nafais

Dr. Nabil bin Muhammad ‘Ali Isma’il (2002), *Al-Imam Ibn al-Jazari wa Juhduhu fi ‘Ilm al-Qira’at*, Riyad: Dar Ibn Hazm.

Husni Syeikh ‘Uthman (1987), *Haq al-Tilawah*, Urdun: Maktabah al-Manar.

Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (1994), *Tabaqat al-Huffaz*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1986), *al-Tamhid fi ‘Ilm al-Tajwid*, Beirut, Muassasah al-Risalah.

Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1997), *Tayyibah al-Nasyr*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah,

Juraysi, Muhammad Makki Nasr al- (2003), *Nihayah al-Qawl al-Mufid*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Marassafi, ‘Abd al-Fattah al-Sayyid al-‘Ajmi al- (2001), *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*, Madinah, Dar al-Fajr al-Islamiyyah.

Muhammad Abu al-Khayr (2002), *Khasais wa Simat Midar Harakatayn wa Arba’ Harakat*, Kaherah: Dar Sahaba.

Muhammad Fahd Kharuf (1995), *Al-Bayan fi Tartil al-Qur’ān*, Damsyiq, Dar al-‘Ulum al-Insaniyyah.

Al-Qasim bin Firuh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru’ayni al-Syatibi (1996), *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, Madinah: Maktabah Dar al-Huda.

Qaysi, Makki bin Abi Talib al- (2002), *Al-Ri’ayah li al-Tajwid al-Qiraah wa Tahqiq Lafz al-Tilawah*, Tanta, Dar al-Sahabah.

Qudah, Dr. Muhammad ‘Isam Muflīh al-, Dr Ahmad Khalid Syukri dan Dr. Ahmad Muhammad al-Qudah al- (2003), *Al-Wadih fi Ahkam al-Tajwid*, Urdun, Dar al-Nafais.

Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad al-Qastalani (2000), *al-Fath al-Mawahibi fi Tarjamah al-Imam al-Syatibi*, ‘Amman: Dar al-Fath

Zerekli, Khayr al-Din al- (1984), *Al-A’lam*, Beirut, Dar a-‘Ilm li al-Malayin.